

Pemuda PAS kutuk hukuman mati 529 aktivis Ikhwan Muslimin

Free Malaysia Today

25 March 2014

Oleh FMT Staff

PETALING JAYA: Lajnah Antarabangsa Pemuda Pas Malaysia (LA PPM) mengutuk sekeras-kerasnya hukuman mati yang dilakukan terhadap Mursyidul Am Ikhwan Muslimin serta 528 aktivis oleh Mahkamah Tentera Mesir.

Menurut Pengerusi LA PPM, Dr Raja Ahmad Iskandar Al Hiss (gambar) lajnah itu mengecam keputusan Mahkamah Jenayah pihak Tentera Mesir yang menjatuhkan hukuman mati ke atas Mursyidul Am Ikhwan Muslimin, Prof Dr Mohd Badie, Presiden Parti Kebebasan dan Keadilan, Dr Saadu Katatni yang juga bekas Speaker Mesir bersama 528 orang aktivis Ikhwan Muslimin yang lain.

Malah, LA PPM turut menganggap keputusan tersebut adalah kemuncak kezaliman Jeneral Abdul Fattah As Sisi setelah melakukan rampasan kuasa ke atas kerajaan rasmi Mesir, pimpinan Presiden Dr Mohamad Morsi.

“Dua tahun lalu, tragedi penyembelihan rakyat di Medan Rabiah telah mengorbankan lebih 3,000 orang para syuhada’,” katanya yang juga merupakan Ketua Dewan Pemuda PAS Negeri Perak.

Tambahnya, sepatutnya keadilan harus ditonjolkan oleh mahkamah mesir, namun ia telah dicemari dengan keputusan yang berat sebelah dan tidak rasional.

“Perkara tersebut amat mengecewakan,” ujarinya.

Tidak terhenti di situ, dunia turut digemparkan ketika proses mahkamah baru sahaja bermula pada minggu lalu, barisan pembelaan telah di ancam oleh pihak polis walaupun ketika prosiding sedang berjalan.

“Salah seorang peguambela tiba-tiba dimasukkan ke dalam senarai tertuduh dan dijatuhkan hukuman mati yang sama,” jelasnya.

Beliau berkata, Rejim Abdul Fattah as Sisi telah membuktikan bahawa beliau sememangnya diktator kuku besi yang mewarisi kezaliman Firaun di bumi tersebut.

Malah, beliau juga berjaya membuktikan kesetiaan beliau terhadap rejim haram Israel dan menjadi boneka Amerika Syarikat.

Bukan itu sahaja, LA PPM turut merasa kesal dengan kerajaan negara Islam-Arab kerana mendiamkan diri serta membiarkan kezaliman berlaku di depan mereka tanpa adanya bantahan serta kecaman antarabangsa.

“Arab Saudi, UAE, Kuwait, Jordan dan lain-lain negara turut bersekongkol dengan rejim kudeta Mesir serta mempunyai sentimen kebencian mendalam yang sama terhadap Ikhwan Muslimin,”

jelasnya.

LA PPM turut yakin dengan menghukum mati pemimpin ikhwan Muslimin, ia tidak akan mematikan perjuangan rakyat mesir dalam menuntut keadilan. Malah, rakyat akan semakin bersemarak untuk berjihad menentang kezaliman Abdul Fattah.

“Mungkin, keputusan penghakiman ini menjadikan rejim kudeta As Sisi bakal menemui pengakhirannya,” katanya.

Selain, LA PPM turut mendesak kerajaan Malaysia untuk bersama-sama mengutuk keputusan mahkamah yang berat sebelah ini.

“Kerajaan seharusnya memutuskan hubungan diplomatik dengan Kerajaan Mesir, serta mendesak negara-negara OIC bertindak tegas ke atas Mesir,

“Kezaliman rejim As Sisi perlu dihentikan dengan tindakan tegas dan berani oleh pemimpin-pemimpin negara Islam,” Ujarnya.

Raja Ahmad turut menjelaskan apa yang berlaku ke atas Syeikh Dr Badi’ dan seluruh mangsa kezaliman sebenarnya mengulangi episod kesyahidan Syeikh Said Qutub yang berakhir di tali gantung pada tahun 1960an.

“Ketika Syahidnya Said Qutb pada waktu itu, telah melahirkan ribuan lagi para ulama’ dan mujahid yang bangkit untuk membela umat Islam di bumi tersebut sehingga sekarang,

“InsyaAllah, kesyahidan beliau bakal melengkapkan perjuangan murni beliau memimpin Ikhwan selama ini,” katanya.

Malahan, keikhlasan beliau pastinya akan dibalas dengan ganjaran syahid di sisi Allah.

Copyright © 2013 – Free Malaysia Today

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2014/03/25/pemuda-pas-kutuk-hukuman-mati-529-aktivis-ikhwan-muslimin//>